

# MyKasih terus bantu golongan susah



AZMAN Hashim, Ngau Boon Keat (tiga dari kiri) dan Badlisham Ghazali (kanan) pada majlis pelancaran MyKasih Program Komuniti Sayangi Kawasan Kejranganaku di Sentul, Selangor, baru-baru ini.

Oleh NAZRUL AZIM SHARUDDIN  
nazrul.sharuddin@utusan.com.my  
Gambar: AHMAD ZAKKI JILAN

**A**PRIL tahun lalu, sebanyak 40 keluarga kurang berkemampuan dari kawasan sekitar Selangor, Selangor telah dipilih untuk menyertai program MyKasih.

Merupakan projek kebajikan, MyKasih mengentahkan mekanisme pengalihan bantuan tanpa tunai dengan matlamat mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan susah.

Menurusinya, penerima bantuan boleh membeli barangan keperluan harian dengan hanya menggunakan pencemaran cip pada MyKad mereka mengikut had nilai yang telah ditetapkan.

Ketika dilancarkan tahun lalu, mereka yang terpilih boleh menggunakan MyKad masing-masing untuk membeli barangan keperluan dari kedai serbaneka di stesen minyak Caltex di Selangor.

Seiring pelaksanaan pada, ia secara tidak langsung dapat mempromosikan aplikasi teknologi pada dokumen pengenalan diri semua rakyat Malaysia, MyKad sebagai medium pembayaran elektronik moden yang lancar, efektif dan telus.

Memperluas inisiatif tersebut, MyKasih baru-baru ini telah menjalin kerjasama dengan syarikat korporat tempatan, Kumpulan Ambank dalam misi menajankan Program Komuniti Sayangi Kawasan Kejranganaku di sekitar

**Platform ini memberi keyakinan dalam penyampaian bantuan kewangan melalui saluran yang betul menggunakan MyKad - Badlisham Ghazali**

Sentul, Selangor.

Ia merupakan projek keempat dijalankan oleh Yayasan MyKasih selepas kejayaan tiga program suumpamanya di Selangor bersama badan korporat Caltex, Puchong bersama EON Bank dan di Jinjang, Selangor bersama Giant.

Kali ini, Kumpulan Ambank telah menyumbang dana sebanyak RM50,000 bagi manfaat perbelanjaan asas runcit selama setahun kepada 50 buah keluarga.

Setiap keluarga yang terlibat akan menerima elan RM20 seminggu bagi membantu mereka membeli barangan keperluan asas seperti gula, beras, tepung, susu dan minyak masak.

Dana tersebut akan disalurkan melalui



**SALAH seorang penerima bantuan MyKasih mencuba transaksi membeli barangan keperluan harian menggunakan MyKad di Pasaraya OTK, Sentul, Selangor.**

pengenalan mekanisme khas yang dibangunkan oleh ePetrol Holdings Sdn. Bhd. bersama Pasaraya OTK di Sentul.

Menurut Pengerusi Kumpulan Ambank, Tan Sri Datuk Azman Hashim, pihaknya akan terus memainkan peranan tanggungjawab sosial korporat kepada seluruh komuniti tanpa mengira kepercayaan, bangsa dan gama.

"Projek seperti MyKasih ini akan dapat membantu kami mencapai objektif menjadi warga korporat yang bertanggungjawab.

"Kami berharap program ini akan dapat membantu golongan susah menghadapi segala cabaran dan seterusnya mengekalkan cara hidup berkemampuan," katanya pada pelancaran program tersebut di Sentul, Selangor baru-baru ini.

Mengulas tentang penggunaan MyKad sebagai medium pembayaran pula, beliau berpendapat, dengan cara tersebut, sumbangan akan dapat disampaikan kepada keluarga terpilih secara terus tanpa melalui orang tengah.

Untuk tujuan keselamatan, kesemua peserta akan dilengkapkan dengan nombor pin khas untuk digunakan ketika membuat pembayaran di kaunter.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC), Datuk Badlisham Ghazali berkata, MyKasih merupakan titik penghubung dalam membantu warga yang kurang berkemampuan melalui kemudahan teknologi maklumat (ICT).

"Platform ini memberi keyakinan dalam penyampaian bantuan kewangan melalui saluran yang betul menggunakan MyKad.

"Pelaksanaan program ini juga telah berjaya menarik banyak organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk mengambil bahagian," jelasnya. Selain menyalurkan bantuan, program tersebut juga mempunyai objektif membasmi kemiskinan menerusi penganjuran kursus bijah kewangan serta latihan berkenaan kepada peserta-peserta program dan juga anak-anak mereka.

Pengerusi Yayasan MyKasih, Ngau Boon Keat pula memberitahu, pihaknya amat berharap agar program tersebut dapat membantu keluarga yang susah dari segi memperoleh keperluan harian dan juga pendidikan anak-anak mereka. "Selain empat program yang telah diadakan ini, kita juga akan memperluaskan ke seluruh Malaysia dan kawasan-kawasan di luar Lembah Klang pada masa hadapan," katanya.